



20 AUG, 2024

Kerjasama HASiL, JKDM tingkat tahap pematuhan cukai terus diperkukuh

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Kerjasama HASiL, JKDM tingkat tahap pematuhan cukai terus diperkukuh

KUCHING: Kerjasama erat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam usaha meningkatkan tahap pematuhan cukai terus diperkukuh menerusi pelancaran Ops Metro 2024 selama empat hari dari 19 hingga 22 Ogos ini di sekitar Lembah Klang.

HASiL dalam kenyataan berkata, pelaksanaan program kolaboratif HASiL bersama JKDM ini merupakan siri kedua selepas Ops Gading yang telah diadakan di Pahang pada 31 Julai lalu.

Pelancaran operasi bersepadu ini melibatkan Jabatan Pematuhan Cukai, Jabatan Siasatan, Jabatan Perisikan dan Profiling, Jabatan Pungutan Hasil, Jabatan Khas, Cawangan Pembayar Cukai Besar, Cawangan Guaman Lembah Klang, Cawangan Pematuhan Strategik serta pasukan pelaksana daripada HASiL Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

Objektif Ops Metro 2024 adalah untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai secara menyeluruh dari segi pendaftaran fail cukai pendapatan, penghantaran borang cukai, pelaporan cukai dan bayaran cukai.

Untuk rekod, pelaksanaan Operasi Pematuhan Cukai ini



DR ABU TARIQ

merupakan siri kelapan dan kesinambungan kepada beberapa operasi yang telah dilaksanakan oleh HASiL sebelum ini. Antaranya, Ops Hidang di Pulau Pinang, Ops Borneo di Sabah dan Sarawak, Ops Zapin di Johor; Ops Gading di Pahang, Ops Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan, Ops Pantai Timur di Terengganu dan Kelantan dan Ops Mega Corp di Lembah Klang.

Lima aktiviti operasi percukaian utama menjadi fokus yang ditekankan meliputi aktiviti audit, siasatan, pungutan, guaman dan Lawatan Banci Bisnes (LBB).

Pihak JKDM akan memberi tumpuan kepada aktiviti LBB yang menyasarkan pembesaran asas percukaian termasuk mengenal pasti penyedia perkhidmatan yang berpotensi untuk didaftarkan.

Manakala HASiL akan mengenal pasti pembayar cukai

yang menjalankan 'cash economy' dan warga asing yang menjalankan perniagaan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin.

Dr. Abu Tariq dalam ucapannya menzahirkan ucapan terima kasih kerana operasi ini mendapat sokongan dan kerjasama padu daripada pihak JKDM.

Tambah beliau, kerjasama strategik dua agensi penting ini mampu menghasilkan impak besar terutama dalam aktiviti penguatkuasaan serta pematuhan cukai secara bersama demi meningkatkan hasil negara.

"Diharap sinergi serampang dua mata ini akan terus diperkukuh dalam memastikan agenda percukaian nasional dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien.

"Sekali gus meningkatkan kecekapan pengurusan cukai yang akan menyumbang kepada kutipan hasil yang mampan," katanya.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi HASiL menerusi Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000/603-8911 1000 (Luar Negara), HASiL Live Chat atau Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>



20 AUG, 2024

Kerjasama HASiL, JKDM tingkat tahap pematuhan cukai terus diperkukuh

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Kerjasama erat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam usaha meningkatkan tahap pematuhan cukai terus diperkukuh menerusi pelancaran Ops Metro 2024 selama empat hari dari 19 hingga 22 Ogos ini di sekitar Lembah Klang. HASiL dalam kenyataan berkata, pelaksanaan program kolaboratif HASiL bersama JKDM ini merupakan siri kedua selepas Ops Gadingyang telah diadakan di Paliang pada 31 Julai lalu.